

# PORAL INFOGRAFIK INTERAKTIF SEJARAH DAN BIAYAKHALAYAK ETNIK ROHINGYA

Aizatul Najwa Binti Akashah  
Dr Zurina Muda

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Portal Infografik Interaktif Sejarah dan Biayakhalayak Etnik Rohingya merupakan sebuah sistem capaian maklumat terkini dan platform untuk memberi sumbangan dana dalam talian beraplikasikan web. Umum mengetahui bahawa kebanyakan informasi media dalam talian menyebarkan maklumat mengenai sejarah etnik Rohingya secara kurang tepat tanpa merujuk kepada pakar sejarah dan buku ilmiah. Kekurangan informasi yang sahih mengenai etnik Rohingya disamping penggunaan kaedah sumbangan dana yang biasa menambah keraguan dan kebimbangan kepada masyarakat dalam mencari maklumat dalam talian, apalagi untuk memberi sumbangan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang sejarah sebenar etnik Rohingya yang divisualisasikan melalui infografik interaktif dan menyediakan pendekatan kaedah biayakhalayak yang boleh dipercayai sebagai ruang memberi sumbangan. Pembangunan portal ini dilaksanakan berdasarkan metodologi Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) yang melibatkan lima fasa iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa rekabentuk, fasa implementasi dan pengujian serta fasa penyelenggaraan. Portal Infografik Interaktif Sejarah dan Biayakhalayak Etnik Rohingya mempunyai empat modul utama modul Sejarah, modul Informasi, modul Sumbang Dana dan modul Hubungi Kami. Kolaborasi aplikasi pelayan Apache HTTP dengan *hypertext preprocessor* (PHP) sebagai bahasa penskriptan dibawah platform XAMPP serta MySQL sebagai pangkalan data bagi menyimpan data menjadikan laman ini bersifat dinamik. Perisian Paypal digunakan sebagai gerbang pembayaran dalam talian yang menerima bayaran melalui kad kredit / kad debit menjamin dana daripada dimanipulasi pihak yang tidak bertanggungjawab. Diharapkan portal ini dapat dimanfaatkan oleh orang ramai untuk mendapat maklumat sahih tentang Rohingya dan dalam masa yang sama dapat menyumbang dana tanpa ragu-ragu.

## 1 PENGENALAN

Berita dan maklumat disampaikan semakin laju dan cepat secara dalam talian membuatkan kebergantungan kepada teknologi menjadi satu kemestian. Masyarakat semakin mudah mendapatkan informasi mengenai sesuatu isu yang ingin diketahuinya dengan kewujudan internet. Dalam kadar masa yang pantas, Internet akan memaparkan pelbagai laman web yang sepadan dengan bahan carian. Kerencaman dan lambakan maklumat yang tidak tepat diperolehi dari pelbagai sumber menerusi Internet memberi implikasi buruk ke atas hasil carian individu.

Isu Rohingya adalah salah satu contoh yang sedang hangat diperbincangkan. Segelintir masyarakat tanpa memeriksa kesahihan cerita dan seterusnya menularkan informasi yang tidak benar sehingga menimbulkan spekulasi serta persepsi yang negatif tentang etnik ini. Dengan ketiadaan sumber tepat yang boleh dirujuk seperti laman web atau portal turut menyukarkan masyarakat untuk membuat penilaian dan seterusnya menimbulkan

andaian yang tidak benar tentang etnik Rohingya ini. Kekurangan sumber yang boleh dipercayai dan dijadikan fakta kukuh turut menyebabkan sesetengah masyarakat lebih memilih jalan untuk berdiam diri dan sekaligus turut mempengaruhi pemberian dana untuk etnik yang tertindas ini.

## 2 PENYATAAN MASALAH

Kajian mengenai Rohingya yang agak terbatas khususnya dalam konteks diaspora di Malaysia dan jika ada kajian yang dilakukan mengenai isu Rohingya ini, ianya lebih kepada kaitan antara Rohingya dengan pencabulan hak asasi dan laporan kertas kerja yang bersifat negatif (Subki Usaid, 2016). Justeru, kebanyakkan informasi media dalam talian menyebarkan maklumat mengenai sejarah etnik Rohingya secara kurang tepat dalam konteks yang berbeza serta diperoleh dari sebarang sumber yang tidak sah tanpa merujuk kepada pakar sejarah dan buku ilmiah.

Selain itu, kekurangan web portal sebagai sumber rujukan bagi kesahihan berita serta informasi terkini dalam mengupas isu Rohingya. Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Mohd Azmi Abdul Hamid memperbetulkan cerita Rohingya membuat rusuhan dengan menjelaskan bahawa etnik Rohingya telah datang untuk menyokong penyerahan memorandum di Kedutaan Myanmar bagi membantah tindakan Myanmar terhadap etnik tersebut (Ghani, 2017) dan jelas menunjukkan kesahihan berita masih belum dititikberatkan dalam pencarian masyarakat.

Pendekatan kaedah biayakhalayak jarang digunakan dalam aktiviti sumbangan derma berbanding sumbangan dana yang biasa justeru memberi keraguan kepada masyarakat untuk menderma kerana kurangnya pencerahan mengenai kesahihan saluran sumbangan dana tersebut sama ada disalurkan kepada pihak yang selayaknya atau sebaliknya. Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) iaitu Mohd. Ali berkata bahawa beliau mengingatkan kepada orang ramai supaya memeriksa dahulu kesahihan individu atau syarikat yang membuat kutipan tersebut bagi mengelak masalah ditipu dan sebagainya sebelum membuat sumbangan atau derma (Utusan Online, 2016).

### 3      **OBJEKTIF KAJIAN**

Beberapa objektif telah dikenalpasti dalam Portal Infografik Interaktif Sejarah dan Biayakhalayak Etnik Rohingya yang telah digariskan bagi pembangunan adalah seperti berikut:

- i. Mempersembahkan penceritaan mengenai sejarah etnik Rohingya dan informasi melalui penvisualan infografik interaktif.
- ii. Membangunkan medium biayakhalayak bagi memberi dan menambah kesedaran serta kepercayaan pengguna dalam menyumbangkan derma melalui portal.
- iii. Menilai dan menjalankan pengujian fungsian serta mendapat maklum balas kepenggunaan ke atas kajian.

### 4      **METOD KAJIAN**

Kaedah yang digunakan dalam membangunkan projek adalah penting bagi memastikan projek berjalan dengan teratur dan lancar serta sebarang kelemahan dapat dikenalpasti pada peringkat awal pelaksanaan projek. Dalam membangunkan portal ini, metodologi yang digunakan ialah Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) dimana terdapat lima fasa yang utama iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi dan pengujian serta fasa penyelenggaraan. Fasa penyelenggaraan merupakan fasa yang terakhir dalam pembangunan portal ini.

#### 4.1    **Fasa Perancangan**

Fasa perancangan merupakan perancangan terhadap segala aktiviti yang dilaksanakan sepanjang pembangunan portal. Fasa ini melibatkan kajian yang perlu dilakukan bagi mengenalpasti sasaran kajian termasuk juga sasaran pengguna, sasaran pasaran dan sebagainya. Fasa ini juga merangkumi usaha pencarian maklumat awal bagi menentukan tajuk kajian yang sesuai. Jadual perancangan kajian turut disediakan bagi memastikan kelancaran aktiviti atau fasa seterusnya serta dapat memantau gerak kerja yang dilakukan.

#### **4.2 Fasa Analisis**

Fasa analisis bertujuan menganalisis keperluan kajian dari segi kemampuan sistem dan kemudahan yang bakal disediakan kepada pengguna. Elemen interaktiviti seperti infografik interaktif dianalisa untuk mencari kepentingan dan kebaikannya dalam penyampaian maklumat serta jenis kaedah sumbangan dana yang sesuai dalam memberi peluang untuk pengguna memberi bantuan. Analisis terhadap portal turut dilaksanakan bagi memastikan hanya informasi dan maklumat yang sahih serta diyakini boleh dipaparkan di dalam portal.

#### **4.3 Fasa Reka Bentuk**

Fasa reka bentuk amat penting bagi memastikan rekaan yang dibangunkan benar-benar memenuhi kehendak pengguna. Pemilihan reka bentuk adalah bergantung kepada kajian terhadap laman-laman web sedia ada dalam fasa perancangan dan penganalisan. Bagi reka bentuk yang baik, modul yang ingin diwujudkan perlulah dikenalpasti dalam sistem yang dibangunkan.

Dalam pembangunan portal ini, terdapat tiga modul utama yang akan dibangunkan iaitu pentadbir, pengguna berdaftar dan pengguna umum. Fasa ini juga melibatkan dua proses penting, iaitu mereka bentuk dan membuat visualisasi maklumat. Infografik interaktif dibangunkan dengan menggunakan perisian Adobe Flash dan Adobe Photoshop CS6. Bagi sumbangan, kaedah biayakhlayak diimplementasikan didalam portal.

#### **4.4 Fasa Pengujian**

Pengujian kebolehgunaan dilakukan kepada 12 responden orang untuk menguji kebolehgunaan portal yang mengambil kira kefungsian portal dan reka bentuk antara muka. Jadual di bawah menunjukkan hasil daripada soal selidik yang diberikan.

## Jadual 1 Hasil soal selidik

No	Ciri-ciri	Penerangan
<b>Fungsian Aplikasi</b>		
1	Setiap butang modul berfungsi dengan baik	Selepas butang modul ditekan, aplikasi memaparkan paparan yang sepatutnya.
2	Setiap pautan yang ditekan membawa ke pautan yang betul	Pautan yang ditekan membawa ke halaman yang berkenaan dengan betul dan lancar
3	Infografik interaktif dapat dinteraksi dengan lancar	Setiap antara muka infografik dapat ditekan atau mempunyai interaksi serta memaparkan infografik dengan lancar.
4	Butang dana dapat diakses	Pengguna dapat menekan butang dana dan menyumbangkan bantuan melalui portal
<b>Reka bentuk Antara Muka</b>		
1	Konsistensi grafik bagi setiap antara muka	Portal mempunyai tulisan yang jelas dan sesuai untuk pengguna. Warna yang digunakan adalah warna yang bersesuaian dengan kandungan portal dan menjadi daya tarikan kepada pengguna.
2	Kebiasaan Pengguna	Butang yang terdapat di dalam portal mudah difahami. Paparan antara muka seperti yang telah dijangkakan oleh pengguna selepas menekan butang modul.
3	Muzik latar	Muzik latar yang dimainkan tidak selari pada halam utama sahaja

## 5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan infografik interaktif dan implementasi kaedah biayakhlayak menggunakan perisian Paypal.



Rajah 1 antara muka halaman portal



Rajah 2 Antara Muka Halaman portal bersama modul butang

Rajah 1 dan 2 menunjukkan antara muka bagi laman utama dimana ketiga-tiga pihak iaitu pengguna umum, pengguna berdaftar dan pentadbir akan melihat ketika membuka pautan portal ini. Laman utama menunjukkan tajuk portal yang menjadi fokus utama pembangunan portal ini dan kesemua butang seperti utama, sejarah, informasi, sumbangsan, ahli, hubungi kami, log masuk dan admin akan terpapar. Butang log masuk berfungsi untuk pengguna berdaftar dan pentadbir log masuk ke dalam portal dan pengguna baru yang ingin mendaftar sebagai pengguna berdaftar.

UTAMA SEJARAH INFORMASI SUMBANGAN AHLI HUBUNGI KAMI LOG MASUK ADMIN

Fakta-fakta mengenai Etnik Rohingya



- ARAKAN & RAKHINE**  
Nama asal Arakan (Rakhine) ialah Rohang. Perkataan Rohingya bermaksud penduduk asal Rohang.
- MINORITI**  
Rohingya diiktiraf sebagai bangsa minoriti yang paling teruk ditindas dalam dunia moden hari ini.
- KEPERLUAN ASASI**  
Sejak berpuluhan tahun, ratusan ribu Rohingya hanya tinggal di kawasan dalam keadaan yang sangat menderita. Mereka berhadapan dengan krisis kurang nutrisi yang sangat kritikal dengan 45% tidak mempunyai sumber makanan yang tetap.
- KERAKYATAN**  
Undang-Undang Kerakyatan Burma yang dilaksanakan oleh kerajaan tentara pada tahun 1982 telah menafikan status kerakyatan Rohingya.

Rajah 3 Antara muka modul Sejarah Bahagian fakta

UTAMA SEJARAH INFORMASI SUMBANGAN AHLI HUBUNGI KAMI LOG MASUK



## PENERIMAAN

Ketibaan warga Rohingya di perairan Asia Tenggara tidak diterima dengan baik, dan mereka dihalau, dengan tiada tempat untuk mendarat.


- THAILAND:**  
Tentera laut berkata bahawa mereka telah memberi bantuan kepada bot-bot ini di perairan dan ia telah menyatakan keselamatan untuk membenarkan mereka berlabuh di negara itu. Tetapi mereka tidak mahu mereka kekal di negara mereka, dan beberapa warga Rohingya masih menetap di negara ini walaupun ia bermakna mereka harus hidup di dalam sebuah bet sempit.
- MALAYSIA:**  
Ia adalah destinasi utama bagi kebanyakan pelarian Rohingya, kerana ia adalah negara majoriti Muslim dan mengalami kekurangan buruh tidak mahir. Tetapi Malaysia dengan jelas telah menyatakan bahawa ia tidak akan menerima pelarian ini dan telah mengarahkan Tentera Laut untuk menolak mereka.
- INDONESIA:**  
Seperti Malaysia, ia adalah sebuah negara majoriti Muslim, dan seperti Malaysia ia juga tidak mengalui warga Rohingya, dengan Tentera mereka mengarahkan kapal ini untuk menukar arah. Kumpulan pendatang yang berjaya mendarat pada awal Mei juga akan dihantar pulang, menurut kerajaan mereka.

Rajah 4 Antara muka modul Sejarah bahagian fakta penerimaan



Rajah 5 Antara muka infografik interaktif

Rajah 3 dan 4 menunjukkan antara muka bagi modul Sejarah. Rajah 4 dan 5 dapat diakses oleh semua pengguna namun antara muka rajah 5 hanya boleh diakses oleh pengguna berdaftar sahaja. Modul sejarah ini memaparkan penceritaan dan asal usul etnik Rohingya menggunakan teknik infografik interaktif.



Rajah 6 Antara muka modul Informasi

Rajah 6 menunjukkan antara muka bagi modul Informasi. Modul Informasi yang mempunyai dua sub modul utama iaitu modul poster dan modul pautan informasi manakala terdapat dua

sub modul tambahan iaitu artikel dan video. Hanya pengguna berdaftar sahaja yang boleh mengakses modul ini untuk memuat turun bahan dari portal tersebut.




Rajah 7 Antara muka modul Sumbang



Rajah 8 Antara muka dalam modul Sumbang

Rajah 7 dan 8 menunjukkan antara muka bagi modul Sumbang Dana. Penggunaan kaedah biayakhalayak dalam portal ini memberikan pengguna untuk menderma dana tanpa rasa ragu kerana dapat mengetahui derma tersebut disalurkan kepada pihak yang berkenaan.

Kaedah biayakhalayak mempunyai sasaran dana yang hendak dicapai dalam masa yang telah ditetapkan serta pembuktian hendaklah dimuatnaik hasil penyaluran dana kepada etnik Rohingya. Kaedah biayakhalayak dibangunkan dengan perisian Paypal yang diintegrasikan bersama portal ini.



Rajah 9 Antara Muka modul Hubungi Kami

Rajah 9 menunjukkan antara muka bagi modul Hubungi Kami. Modul Hubungi Kami ini mempunyai dua sub modul iaitu perincian pejabat dan pertanyaan.

## 6 KESIMPULAN

Setiap fasa dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan hasil yang bakal dikeluarkan kelak memenuhi objektif serta berjalan dengan lancar seperti yang telah dirancang. Menggunakan infografik interaktif sebagai teknik pendekatan dalam pembelajaran bagi modul sejarah memberikan impak dan kesan yang maksima dalam penyampaian maklumat atau pengetahuan kepada pengguna. Spesifikasi perkakasan dan perisian bagi pengguna dan pentadbir yang dijelaskan dengan terperinci memudahkan proses pembangunan portal dilaksana ditambah dengan reka bentuk model yang mudah difahami. Tambahan itu, pengujian turut dilaksanakan bagi memastikan tiada kesalahan dibahagian sistem portal dan mampu mempersembahkan yang terbaik kepada pengguna. Diharap dengan kewujudan portal ini dapat membantu komuniti etnik Rohingya dan disamping menjadi medium kepada masyarakat diluar sana dalam mencari maklumat dan informasi mengenai mereka serta dapat menyumbangkan sumbangan demi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka. Secara

keseluruhan, portal yang dibangunkan telah mencapai objektif yang dikehendaki berdasarkan pembangunan yang dilakukan dan pengujian yang dilaksanakan kepada responden.

## 7 RUJUKAN

- Ghani, M. S. A. 2017. Kisah sebenar di sebalik video Rohingya “merusuh.” *Sinar Harian*.  
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/kisah-sebenar-di-sebalik-video-Rohingya-merusuh-1.727339> [28 September 2017]
- Subki Usaid. 2016. Siapa Rohingya dan sejarah ringkas di sebalik penindasan mereka.  
<http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/11/24/siapa-Rohingya-dan-sejarah-ringkas-di-sebalik-penindasan-mereka/> [26 September 2017]
- Utusan Online, 2016. Lagi pihak tampil bantu Rohingya.  
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/lagi-pihak-tampil-bantu-Rohingya-1.421527> [26 September 2017]